

# WATAK DAN NILAI POSITIF DALAM CERITA JENAKA ETNIK PERIBUMI TERPILIH DI SABAH

*(Characters and Positive Traits in Selected Humorous Folktales of Sabah)*

Asmiaty Amat<sup>1</sup>  
asmiaty@ums.edu.my

Nor Suhaila Sulaiman<sup>2</sup>  
norsuhaila@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.<sup>1</sup>  
Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah.<sup>2</sup>

Corresponding author (*Pengarang koresponden*): <sup>1</sup>

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman. (2023). Watak dan nilai positif dalam cerita jenaka etnik peribumi terpilih di Sabah. *Malay Literature*, 36(1), 1–24. [http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no1](http://doi.org.10.37052/ml36(1)no1)

Received: Peroleh:	5/8/2022	Revised: Semakan	18/5/2023	Accepted: Terima:	19/5/2023	Published online: Terbit dalam talian:	1/6/2023
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

## Abstrak

Pewarisan sastera lisan secara tradisi menerusi pertuturan orang perseorangan atau penglipur lara bukan sekadar hiburan tetapi juga menggambarkan akal budi masyarakat terdahulu dan memiliki inti pati pengajaran yang bertujuan memberikan didikan kepada masyarakat. Kini, sastera lisan didokumentasikan, diterbitkan dan dianalisis mengikut keperluan sesuatu kajian. Sastera lisan yang berbentuk naratif, dikenali sebagai cerita rakyat mengandungi kisah binatang, cerita jenaka, hikayat dan sebagainya. Cerita jenaka Melayu seperti *Pak Pandir*, *Lebai Malang* dan *Si Luncai* sangat popular sehingga watak mereka dicitrakan dalam perspektif negatif seperti bodoh, bebal dan malang. Makalah ini membincangkan cerita jenaka etnik Brunei, Bajau Laut/Suluk dan Dusun yang terdapat di Sabah. Data daripada kajian ini diambil daripada buku *Koleksi Cerita Rakyat Sabah* (2019) yang diselenggarakan oleh Lokman Abdul Samad dan Suhaimi Yasin

serta data cerita jenaka etnik Brunei yang telah diperoleh daripada kajian lapangan pada tahun 2012. Analisis data menggunakan teori kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer (1990) bagi merungkai watak dan perwatakan menerusi cerita tersebut. Kajian mendapati bahawa cerita jenaka peribumi Sabah menemukan ciri watak dan nilai yang positif sekali gus memperbetul persepsi cerita jenaka Melayu yang sering kali memperlihatkan sifat bodoh dan malang sahaja. Oleh itu, cerita jenaka daripada pelbagai etnik juga wajar diberikan penekanan dan diajarkan di sekolah atau dibacakan kepada anak-anak untuk membentuk peribadi positif dalam kalangan mereka.

Kata kunci: Sastera lisan, cerita jenaka, etnik peribumi Sabah, teori kecerdasan emosi, watak, nilai positif

#### ***Abstract***

*The inheritance of traditional oral literature through the speech of individuals or storytellers is not just for entertainment, but also reflect the common sense of previous societies and possess the essence of teaching with the aim to provide education to the society. Nowadays, oral literature is documented, published and analyzed according to the needs of a study. Oral literature in the form of narrative, known as folktales, contains animal stories, humorous stories, tales and so on. Malay humorous folktales such as Pak Pandir, Lebai Malang and Si Luncai are so popular that their characters are often portrayed in a negative perspective, such as stupid, foolish and unlucky. This paper discusses ethnic humorous folktales from Brunei, Bajau Laut/Suluk and Dusun in Sabah. The data from this study were taken from Koleksi Cerita Rakyat Sabah (2019) compiled by Lokman Abdul Samad and Suhaimi Yasi, whereas data on Bruneian humorous folktales were obtained from fieldwork in 2012. Data analysis utilized the theory of emotional intelligence by Salovey and Mayer (1990) to dissect characters and their characterization in the selected folktales. This study found that Sabah's indigenous folktales establish positive character traits and values, thus correcting the perception of Malay humorous folktales that often show stupidity and misfortune. Therefore, humorous folktales from various ethnicities should also be emphasized and taught in schools or read to children to develop their positive characters.*

*Keywords: Oral literature, humorous folktales, Sabah indigenous ethnic group, theory of emotional intelligence, characters, positive value*

## PENGENALAN

Sastera lisan yang diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi bukan sekadar hiburan masyarakat terdahulu, tetapi juga memiliki inti pati pengajaran dan didikan kepada masyarakatnya. Kini, sastera lisan didokumentasikan, diterbitkan dan dianalisis mengikut keperluan sesuatu kajian. Sastera lisan yang berbentuk naratif, atau lebih dikenali sebagai cerita rakyat termasuk di dalamnya cerita binatang, cerita jenaka, hikayat dan sebagainya. Pembaca sering kali didedahkan dengan cerita jenaka Melayu seperti *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang* dan *Si Luncai*. Watak mereka dikaitkan dengan karakter negatif dan dianggap lambang kepada kebodohan, sial, tamak dan menunjukkan kemalasan orang Melayu. Negeri Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik turut memiliki cerita jenaka. Tokoh dalam cerita jenaka peribumi Sabah juga memaparkan watak dan perwatakan yang pelbagai.

Watak dan perwatakan dalam sesebuah cerita rakyat mampu memberikan manifestasi positif atau negatif dalam masyarakatnya. Watak dan perwatakan (karakter) merupakan sifat kejiwaan, akhlak, atau budi pekerti yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain. Karakter juga berkait rapat dengan nilai, seperti yang dikemukakan oleh Chairil (2014) bahawa karakter ialah nilai yang khas, baik watak, akhlak, atau keperibadian seseorang, yang terbentuk daripada hasil internalisasi (penghayatan) pelbagai kebijakan yang diyakini dan digunakan sebagai cara pandang, berfikir, berucap, beraksi dan bertindak dalam kehidupan sehari-hari.

Pembentukan karakter berkait rapat dengan kejiwaan, akhlak atau budi pekerti dan keperibadian. Selanjutnya, Fatchul Muin (2011) menyatakan bahawa watak dan perwatakan manusia boleh dibentuk menerusi pendidikan dengan menerapkan amalan budi pekerti sehingga mampu melahirkan perilaku dengan sifat kejujuran, bertanggungjawab, bertoleransi, taat janji, berhati-hati, berdisiplin, suka menolong, bekerjasama, tabah, dan adil. Pembentukan watak ini dapat ditelusuri menerusi pemerhatian terhadap watak dalam cerita jenaka peribumi Sabah. Perkara ini penting lebih-lebih lagi apabila masyarakat sering kali dimomokkan dengan karakter atau perwatakan cerita jenaka yang menonjolkan sifat negatif. Penonjolan keperibadian dan kaedah manifestasi watak yang membentuk nilai positif sesuai dengan akar budaya bangsa dan perlu dilakukan melalui cerita jenaka.

Kajian ini cuba merungkaikan watak dan perwatakan yang wujud dalam cerita jenaka tersebut. Cerita jenaka yang dianalisis ialah cerita jenaka yang telah diterbitkan dalam *Koleksi Cerita Rakyat Sabah* yang diseleenggarakan oleh Lokman dan Suhami (2019). Selain itu, cerita jenaka etnik Brunei telah diperoleh daripada kajian lapangan yang telah dilakukan di Bongawan sekitar tahun 2012. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks, kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Analisis teks akan dipadankan dengan konsep kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer (1990). Yang berikut ialah maklumat informan dalam kajian lapangan di Bongawan pada tahun 2012.

**Jadual 1** Maklumat informan dalam kajian lapangan di Bongawan 2012.

Bil.	Nama	Umur	Tempat	Tarikh Temu Bual
1.	Pangeran Abdul Rahman bin Pangeran Ali	80	Kg. Padang, Bongawan	23 September 2012
2.	Dayang Fatimah binti Awang	75	Kg. Benoni, Papar	23 September 2012
3.	Dayang Lipah binti Awang Mahmin	92	Kg. Benoni, Papar	23 September 2012
4.	Dayang Normah N. C. Sulaiman	40	Kg. Benoni, Papar	23 September 2012

## CERITA JENAKA

Cerita jenaka merupakan cerita yang mempunyai unsur humor. Danandjaja (1984) menamakan kelompok cerita jenaka sebagai lelucon dan anekdot yang diertikannya sebagai "... dongeng-dongeng yang dapat menimbulkan rasa geli hati, sehingga menimbulkan ketawa bagi yang mendengarnya mahupun yang menceritakannya" (hlm. 117). Lelucon terbahagi kepada dua kelompok, iaitu dongeng lucu yang tradisional seperti *Pak Pandir*, *Pak Belalang*, dan lelucon sezaman atau semasa.

Cerita jenaka dapat membantu memberikan gambaran kepada audiens melalui pembawaan watak tersebut. Watak dalam cerita jenaka dapat menimbulkan kelucuan kerana mampu membawa impak daripada cerita yang bersifat lucu. Menurut Noriah (2008), cerita jenaka rakyat (*jokelore*) berbentuk naratif rakyat yang memuatkan unsur lucu yang mencuit hati dan menyebabkan orang ketawa. Namun begitu, di sebalik kerangka mainan/kelucuannya, jenaka mengandungi isi yang serius malah subversif, melanggar pantang larang dan adat. Oleh itu, jenaka menjadi senjata kritikan yang berkesan. Penyampaian cerita jenaka yang dituturkan bukan sekadar memberikan hiburan tetapi juga berperanan sebagai alat mengkritik dan mendidik masyarakat. Di samping itu, cerita jenaka juga dapat memberikan pendedahan baharu dan berguna kepada generasi yang akan datang. Malah, penyampaian cerita jenaka mampu memelihara sastera rakyat tradisional daripada tenggelam ditelan zaman disebabkan oleh arus pemodenan.

Winstedt dalam Saiful Bahari (2001) menyatakan bahawa cerita jenaka Melayu hanya mempunyai lima watak sahaja seperti watak Pak Kaduk, Lebai Malang, Pak Pandir, Si Luncai, dan juga Pak Belalang (hlm. 24). Watak dalam cerita jenaka Melayu ini dikatakan berperwatakan bodoh, tamak, bodoh sial, sial pintar dan juga malang. Oleh sebab itu, kebanyakan pengkaji terikut-ikut menggolongkan cerita jenaka kepada tiga jenis perwatakan. Pertama, watak bodoh sial, contohnya cerita Lebai Malang dan Pak Kaduk. Kedua, watak bodoh pintar seperti cerita Pak Pandir dan ketiga, watak sial pintar melalui cerita Pak Belalang dan Si Luncai. Berdasarkan penelitian tersebut, sarjana tempatan turut mengakui dan menganggap bahawa cerita jenaka Melayu tidak menyerlahkan sifat positif selain memaparkan kebodohan, malang, celaka, lurus sehingga memudaratkan diri sendiri (Ariffin, 1971:46). Kenyataan tersebut seperti petikan berikut:

... cerita-cerita jenaka telah disusun oleh orang-orang Melayu dahulu kerana melukiskan sifat keganjilan manusia seperti tentang kebodohan, malang, lurus bendul, dan kecelakaan. (Ariffin, 1971:46)

Petikan tersebut memperlihatkan tanggapan yang serupa dengan pandangan Winstedt (Saiful Bahari, 2001:24). Oleh yang demikian, kajian ini melihat cerita jenaka etnik peribumi Sabah dan menyerlahkan karakter atau watak dan perwatakan dalam cerita tersebut.

## **KAJIAN LEPAS BERKAITAN DENGAN CERITA JENAKA**

Penelitian terhadap cerita jenaka Melayu yang dilakukan oleh sarjana Barat yang memperlihatkan bahawa watak dalam cerita jenaka hanya memfokuskan watak bodoh, sial dan malang, dibidas dalam makalah yang ditulis oleh Muhammad Safuan et al. (2018) berjudul “*Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif*”. Dapatan artikel tersebut memperlihatkan bahawa cerita jenaka Melayu sebenarnya turut memberikan nilai positif berdasarkan kajian mereka terhadap cerita jenaka *Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Demikian halnya kajian yang dilakukan oleh Rahimah dan Alya (2020) dalam artikel berdasarkan cerita jenaka Melayu *Pak Pandir, Pak Kaduk, Pak Belalang* dan *Si Luncai* sebagai bahan kajian. Hasil dapatan kajian mereka turut mendapati bahawa perspektif Barat tentang konotasi “Melayu malas” dan “Melayu bodoh” terhadap masyarakat Melayu tidak dapat dibuktikan secara tuntas menerusi cerita jenaka ini. Nyata, kekecewaan atas kurangnya kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu sepanjang penjajahan mereka memberikan ruang untuk dikritik dengan label “malas” dan “bodoh” tanpa berusaha memahami secara intrinsik terhadap karya-karya terawal yang merupakan cerminan masyarakat dahulu kala yang sebenarnya menggambarkan kebijaksanaan. Kajian tersebut memberikan satu ruang untuk kajian ini dipanjangkan dengan memfokuskan karakter atau watak-watak dalam cerita jenaka peribumi Sabah yang sebelum ini belum pernah dikaji bagi memperlihatkan bahawa Sabah memiliki pelbagai bentuk cerita jenaka dan bukan sahaja bertujuan menghiburkan tetapi turut memancarkan nilai positif untuk diteladani. Buku *Koleksi Cerita Rakyat Sabah* (2019) yang diselenggarakan oleh Lokman Abdul Samad dan Mohd Sohaimi Md Yassin turut menghimpunkan seluruh cerita rakyat Sabah. Walau bagaimanapun, buku ini tidak menganalisis cerita rakyat etnik yang terpilih secara mendalam. Oleh itu, kajian ini mengisi kelompangan kajian tersebut untuk memperlihatkan fungsi watak dan unsur nilai yang terdapat dalam sastera lisan etnik Sabah.

## **KONSEP KECERDASAN EMOSI**

Kecerdasan emosi merupakan kebolehan seseorang individu menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka seharian dengan berkesan. Kecerdasan emosi (EQ) lebih menekankan ciri sahsiah yang dimilikinya. Kecerdasan emosi juga akan membantu individu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi serta berfungsi secara efektif. Kejayaan

dalam hidup dikaitkan dengan kecerdasan emosi yang tinggi dan bukan lagi bergantung pada kecerdasan intelek semata-mata. Kecerdasan emosi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati manusia kerana kecerdasan emosi akan mendorong manusia mencapai potensi dan tujuan unik yang ada dalam aspirasi batin yang terpendam dalam diri manusia.

Mayer et al. (1999) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang untuk mengenal pasti makna emosi dan hubung kaitnya, termasuklah kebolehnya menaakul dan menyelesaikan sesuatu masalah. Beliau juga berpendapat bahawa kecerdasan emosi membolehkan seseorang berfikir secara kreatif apabila menghadapi kekecewaan dan berkemampuan menyelesaikan konflik. Menurut Salovey et al. (2004), kecerdasan emosi merupakan sejenis kecerdikan sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengawal emosi diri sendiri, emosi orang lain untuk membezakan mereka dengan orang lain dalam sebarang tindakan. Kecerdasan emosi juga ditakrifkan sebagai:

... Keupayaan untuk menaakul tentang emosi, dan keupayaan emosi untuk mengukuhkan pemikiran. Hal ini termasuk kebolehan mengenal emosi dengan tepat, mencapai dan menjana emosi bagi membantu pemikiran, memahami emosi dan pengetahuan tentang emosi, serta mengendalikan emosi secara refleksi (renungan) bagi tujuan pengembangan emosi dan intelek. (Salovey et al., 2004)

Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam hidup manusia kerana kesedaran emosi akan membuat keadaan jiwa seseorang itu berhati-hati untuk bertindak dan membuat keputusan. Goleman (1999) menyatakan bahawa kecerdasan emosional adalah lebih baik berbanding dengan kecerdasan intelek kerana kecerdasan emosional akan menambahkan unsur manusiawi dalam diri seseorang. Beliau menambah bahawa kecerdasan emosi boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa. Goleman (1999) juga berpendapat bahawa kesedaran peribadi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati kerana perkara yang menjadi tunjang kepada perasaan dan emosi ialah hati. Menurut Goleman (1999) lagi, peranan hati terhadap kesedaran peribadi sangat besar kerana hati mempunyai pertalian erat dengan kejayaan manusia dalam melayari kehidupan seharian. Hati juga merupakan elemen yang paling kuat dalam diri manusia. Semua kehendak yang dirasai oleh manusia terletak di hati. Hal ini menunjukkan bahawa nilai seseorang manusia bukan pada rupa parasnya secara fizikal tetapi juga nilai yang tinggi dilihat pada batinnya, iaitu kuasa hati.

Berdasarkan konsep kecerdasan emosi (EQ) yang dijelaskan oleh Salovey dan Mayer (1993) serta Mayer et al. (1999), dapat dirumuskan bahawa gaya pemikiran bukan sahaja mempengaruhi penampilan luaran malah berkait dengan hati. Dengan ini, seseorang itu dapat membentuk sifat positif selain membuat penilaian dan memberikan respons mengikut situasi sekali gus dapat dijadikan pengajaran. Pandangan daripada para sarjana berkaitan dengan keintelektualan dapat diaplikasikan dalam cerita yang mampu menakluk hati pembaca seterusnya berupaya membawa mesej, khususnya dalam analisis cerita jenaka terpilih etnik Sabah.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian yang dilakukan terhadap beberapa buah cerita jenaka peribumi Sabah menemukan watak dan perwatakan yang memberikan manifestasi karakter atau perwatakan yang positif dan boleh dijadikan teladan. Cerita jenaka etnik Brunei menonjolkan watak Awang Setampik dalam cerita *Awang Setampik*, Awang Sembilang dalam cerita *Awang Sembilang* dan Kulub Kecil dalam cerita *Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar*. Sementara itu, tokoh yang sangat popular dalam cerita jenaka etnik Bajau ialah Si Pusong. Dalam cerita jenaka etnik Dusun, watak yang digunakan ialah watak Si Kanok-kanok dalam cerita *Si Kanok-kanok dan Si Gongkor*. Watak-watak tersebut mampu mengawal emosi dengan baik walaupun berhadapan dengan cabaran dan dugaan yang berat. Watak-watak tersebut diperhatikan tenang dan bijak dalam hal mengurus emosi, tekanan dan mampu berfikir dengan baik meskipun berhadapan dengan situasi cemas.

### **Watak yang Berdedikasi dalam Usaha Menuntut Ilmu**

*Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1991) mendefinisikan ilmu sebagai pengetahuan tentang sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan gejala tertentu dalam bidang pengetahuan. Ilmu mendapat kedudukan yang sangat penting dalam ajaran Islam. Hal ini terlihat daripada banyaknya ayat al-Quran serta hadis yang memperlihatkan ketinggian darjat orang berilmu. Antaranya termasuklah dalam *Surah al-Ankabut* ayat 43 dan *Surah al-Rahman* ayat 33 seperti terjemahan al-Quran yang berikut:

Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu. (*Surah al-Ankabut:43*)



Hai jama'ah jin dan manusia, jika kamu sanggup menembus (melintasi) penjuru langit dan bumi, maka lintasilah, kamu tidak dapat menembusnya kecuali dengan kekuatan. (*Surah al-Rahman:33*)

Contoh dalam hadis pula termasuklah terjemahan hadis yang berikut:

Menuntut ilmu itu wajib atas setiap muslim. (Riwayat Ibnu Majah)

Keutamaan ilmu itu lebih baik daripada keutamaan ibadah, dan sebaik-baik keberagamaan kalian ialah sikap warak. (Riwayat al-Tirmidhi)

Melalui cerita Awang Setampik, watak Awang Setampik digambarkan tidak sempurna kerana badannya hanya ada separuh. Awang Setampik menyedari kekurangan dirinya. Namun begitu, ketidaksempurnaan fizikal tidak menghalangnya untuk bersungguh-sungguh menuntut ilmu. Ketika ibu Awang Setampik menghantarnya berguru dengan seorang guru, sikap guru tersebut digambarkan dalam cerita sebagai seorang yang “memilih bulu”. Lebih parah lagi, guru tersebut mengajar ilmu yang tidak betul. Awang sering kali diperlekeh dan diketawakan oleh rakan-rakannya kerana dia sering mengatakan “Ada air, ada ikan” dan “Biji nangka tiga ulas, tinggal satu”.

Walau bagaimanapun, Awang tidak patah semangat. Perkara ini dibuktikan apabila Awang ditonjolkan sebagai watak yang mampu dan bijak mengawal emosinya dan tetap berdedikasi untuk menuntut ilmu. Dia juga berusaha untuk mencari guru sejati untuk memberikannya ilmu yang berguna. Awang Setampik meminta izin daripada ibunya untuk mencari guru yang lebih baik. Watak tersebut menjadikan semua peristiwa yang dilaluinya ketika dalam perjalanan menuntut ilmu sebagai ilmu baharu. Seterusnya Awang Setampik telah berjumpa dengan seorang ahli sufi yang rela hati ingin mengajarnya dengan ilmu yang ada padanya. Berkat kesungguhan dan kesabaran menuntut ilmu, Awang Setampik menjadi seorang yang berpengetahuan tinggi dan memperoleh ilmu makrifat. Disebabkan ketaatan Awang Setampik kepada gurunya, maka gurunya telah berdoa kepada Allah agar memberikan kesempurnaan kepada Awang Setampik. Walaupun Awang Setampik kemudiannya telah menjadi insan yang sempurna di samping mempunyai suara yang merdu ketika mengaji al-Quran, dia bukanlah seorang yang suka membanggakan diri. Malahan,

dia datang bertemu bekas gurunya yang pernah mengajarnya secara sambil lewa untuk berkongsi ilmu.

Awang Setampik juga telah memberitahu tujuan datang ke rumah gurunya adalah untuk mengajar gurunya tentang ilmu kebenaran yang diperoleh ketika menuntut ilmu dengan ahli sufi. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik, 2012)

Kecerdasan emosi Awang yang mampu mengawal dirinya memberikannya kebaikan. Dia bukan sahaja penuh dedikasi dalam usaha menuntut ilmu malah tidak berdendam dan tidak sombong berkongsi ilmu yang dimiliki dengan orang lain. Sifat positif Awang ini memberikan kesan yang baik bukan sahaja kepada dirinya tetapi juga boleh dijadikan contoh teladan kepada pendengar atau pembaca. Bertepatan dengan konsep kecerdasan emosi, Awang Setampik kembali untuk menyampaikan kebenaran tanpa mempunyai unsur dendam. Perkara ini penting dalam pembawaan sisi positif kerana watak dapat mengawal emosi apabila berhadapan dengan orang lain seperti yang ditegaskan oleh Mayer dan Salovey (1993).

### **Watak yang Bersifat Jujur dan Amanah**

Kecerdasan emosi seseorang juga mampu menghalang diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik dan terlarang. Hal ini menjadi semacam petunjuk kepada seseorang agar sentiasa memiliki sifat positif dan terhindar daripada perbuatan menyakiti hati orang lain. Sikap jujur dan amanah yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam cerita jenaka peribumi Sabah merupakan elemen perwatakan yang baik untuk dicontohi. Amanah yang diberikan oleh seseorang perlu dilaksanakan sebaik-baik mungkin dengan sikap jujur. Tanpa adanya sikap jujur pada diri seseorang, amanah yang diberikan tidak dapat dilaksanakan atau mengundang kesan yang tidak baik kepada diri sendiri dan orang lain. Begitu juga dengan sikap jujur yang dipaparkan menerusi cerita *Awang Setampik* dan *Si Kanok-kanok*.

Watak Awang Setampik, yang dinyatakan sebelum ini, iaitu penuh dedikasi juga ditampilkan jujur dan memegang amanah yang telah diberikan kepadanya. Kejujuran watak Awang Setampik terserlah dan kejujurannya menyebabkan orang lain berasa kasih kepadanya. Dia juga jujur dan berterus terang terhadap guru agamanya yang sering memperlekehkannya dahulu. Dengan jujur, Awang Setampik memaklumkan kepada bekas gurunya untuk memperbetul amalan beliau yang diketahuinya salah. Dia

tidak teragak-agak untuk berterus terang dan kejayaannya mengawal emosinya bukan sahaja baik bagi dirinya tetapi juga kepada orang lain.

“Akulah Awang Setampik yang kau hinakan dulu.” Awang Setampik juga telah memberitahu tujuan datang ke rumah gurunya adalah untuk mengajar gurunya tentang ilmu kebenaran yang diperoleh ketika menuntut ilmu dengan ahli sufi. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik, 2012)

Dia juga jujur memegang amanah yang diberikan kepadanya oleh orang yang ditemuinya ketika dalam perjalanan menuntut ilmu. Orang pertama yang ditemuinya ialah seorang yang sedar akan dosa yang dilakukannya, kerana setiap hari melakukan kerja bersabung ayam, manakala orang kedua ialah seorang yang sangat alim yang berasa dirinya telah melakukan amal ibadah yang merasakan perbuatannya akan menyebabkan Allah kasih kepadanya. Mereka berdua telah berpesan kepada Awang Setampik agar menyampaikan pesanan mereka sekiranya Awang berjumpa dengan Tuhan. Setelah Awang Setampik pulang daripada menuntut ilmu, dia dengan jujur dan amanah menemui semula dua orang tersebut dan menyampaikan pesanan (perkara yang diperolehnya daripada menuntut ilmu) kepada kedua orang tersebut. Tanpa berselindung Awang memaklumkan bahawa orang yang berdosa itu boleh bertaubat sementara orang alim itu sombong dalam amal ibadahnya.

“Dalam perjalanan pulang, orang alim memanggil Awang Setampik dan bertanya tentang pesannya kepada Tuhan. Awang Setampik memberitahu, “Tuhan berpesan neraka sudah disediakan untukmu”.

“... Awang Setampik meneruskan perjalanan dan berjumpa pula dengan orang yang bersabung ayam. Orang itu bertanya kepadanya apa yang diperkatakan oleh Tuhan kepadanya? Awang Setampik berkata, “Syurgamu sudah disediakan kerana kau bersabung ayam setiap hari kau ikhlas untuk bertaubat”. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik, 2012)

Nilai kejujuran dan amanah yang ditunjukkan merupakan salah satu nilai murni yang perlu ada pada seseorang. Kejujuran yang ada pada diri seseorang membolehkan orang lain meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya kepadanya dengan tanggungjawab yang diberikan. Perwatakan

jujur yang ada pada diri Awang Setampik untuk memegang amanah daripada orang tua yang bersabung ayam dan orang alim kepada Tuhan perlulah dijadikan contoh.

Watak dan perwatakan Kanok-kanok dalam cerita *Si Kanok-kanok dan Si Gongkor* juga ditonjolkan memiliki sifat jujur dengan menjelaskan segala yang dialaminya kepada Gongkor berkenaan pertemuannya dengan Katambaig.

Ada seorang lelaki sekampung dan seumur dengan Si Kanok-kanok. Orang ini sangat malas dan sering melakukan pekerjaannya secara terburu-buru, tergotoh-gapah dan kurang bersabar. Nama lelaki itu ialah Si Gongkor. Dia sangat cemburu melihat Si Kanok-kanok, lalu pergilah Si Gongkor menemui Si Kanok-kanok dan bertanya rahsia bagaimana Si Kanok-kanok boleh menjadi kaya-raya dan mendapat isteri yang sangat cantik. Si Kanok-kanok pun menceritakannya kepada Si Gongkor dan bersungguh-sungguhlah Si Gongkor ingin menjadi seperti Si kanok-kanok. (*Koleksi Cerita Rakyat Sabah*, 2019)

Demikian juga kejujuran yang ditunjukkan oleh si adik terhadap abangnya dalam kisah *Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar* berkenaan pertanyaan abangnya yang ingin tahu bagaimana dia boleh menjadi kaya raya secara sekelip mata walaupun anjingnya telah dibunuh dan pokoknya telah ditumbang.

Oleh kerana sifat si adik yang baik hati maka dia pun berceritalah dengan jujur. Si adik juga berkata kepada si abang, “Dulu engkau bunuh anjingku sekarang anjing itu aku tanam dan telah menjadi pokok buluh. Tambahnya lagi, setiap pagi apabila bangun dari tidur dia pergi ke pokok buluh lalu menggoncang pokok buluh dan daun yang gugur ke tanah telah menjadi emas. Makanya, setiap hari aku jual di pasar untuk belanjaku”. (*Kajian lapangan: Cerita Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar*, 2012)

Watak Si Kanok-kanok dan Kulub Kecil yang tidak mempunyai perasaan ragu-ragu atau tamak dalam cerita itu dengan jujur menjelaskan bagaimana mereka diberi kelebihan rezeki. Kedua-dua watak tersebut menjelaskan segala perkara yang telah dialami oleh mereka agar orang lain yang mendengar kisah mereka turut memperoleh keuntungan yang sama. Pemaparan watak dan perwatakan yang memiliki sifat kejujuran

ditunjukkan untuk memberikan pengajaran kepada pendengar atau pembaca bahawa sesiapa yang memiliki sifat jujur akan berjaya suatu hari nanti berbanding dengan orang yang sombong. Mayer et al. (1999) menjelaskan bahawa kecerdasan emosi (EQ), mempunyai daya tarikan dalam membantu keyakinan diri dengan berfikir secara kreatif apabila berhadapan dengan konflik. Sehubungan dengan itu, watak Awang Setampik, Si Kanok-kanok dan Kulub Kecil tampil sebagai ikon yang mewakili etnik peribumi Sabah yang dapat menjelaskan lagi pernyataan tersebut.

### **Watak Menepati Janji**

Sikap yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam cerita jenaka juga memperlihatkan akhlak mulia, iaitu menepati janji yang dipateri. Sikap dan nilai ini sangat positif dan berkait rapat dengan sikap jujur dan amanah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Awang Setampik memperlihatkan sikap beliau yang berjanji untuk menyampaikan pesanan-pesanan yang disampaikan oleh orang yang ditemuinya sebelum berguru.

Sikap menepati janji ini juga dapat dilihat melalui cerita Awang Sembilang yang menunaikan janjinya kepada Sultan dan puterinya untuk menyediakan mahligai perak sebagai rumah kediaman dan jambatan emas ke istana raja. Setelah janji tersebut dipenuhi oleh Awang Sembilang, Puteri akur akan janjinya. Puteri bersetuju untuk berkahwin dengan Awang Sembilang walaupun menyedari bahawa Awang hanyalah seekor ikan.

Tanpa berfikir panjang, Tuan Puteri terus bersetuju dengan pinangan Awang Sembilang tetapi Awang Sembilang harus mematuhi syarat yang dinyatakan oleh Tuan Puteri. Syarat yang diletakkan oleh Tuan Puteri adalah rumah Awang Sembilang harus dibina dengan mahligai perak. Dari mahligai perak menuju ke istana harus mempunyai jambatan yang diperbuat daripada emas. Jika permintaan tersebut boleh dipenuhi oleh Awang Sembilang maka Tuan Puteri akan mengahwininya. (Kajian lapangan: Cerita Awang Sembilang, 2012)

Sikap watak yang menepati janji membuktikan bahawa cerita jenaka masyarakat terdahulu turut berfungsi sebagai kritikan kepada golongan atasan seperti raja. Golongan raja dan pembesar perlu akur pada perjanjian yang telah dipaterinya dengan rakyat jelata. Sebagai golongan atasan, mereka seharusnya tidak memandang rendah kepada golongan bawahan dan menipu rakyat dengan janji-janji manis. Kemampuan dan kebolehan yang

ada pada seseorang tidak boleh dipandang rendah. Dalam cerita ini, Tuan Puteri tidak berfikir panjang tentang kebolehan yang ada pada diri Awang Sembilang. Akhirnya, kata-kata yang diucapkan oleh Tuan Puteri terpaksa ditelannya semula. Natijahnya, seseorang itu tidak seharusnya memandang rendah pada diri orang lain kerana setiap orang mempunyai kelebihan yang tersendiri. Janji yang dibuat juga seharusnya dikotakan kerana hal tersebut berkait dengan maruah diri. Kesenambungan janji daripada Tuan Puteri, Awang Sembilang menyahut cabaran dengan mengetepikan maruahnya dengan menyamar menjadi seekor ikan. Tindakan yang dilakukan oleh watak Awang Sembilang membenarkan bahawa pemikiran dengan emosi positif dan terbuka sebagai formula mewujudkan nilai kemanusiaan dalam kelompok masyarakat seperti yang dikatakan oleh Mayer, Curaso dan Salovey (2000).

### **Watak Bijak dan Berani**

Watak dan perwatakan berani yang ditunjukkan dalam cerita jenaka biasanya menampilkan keupayaan watak dalam menghadapi dugaan dan cabaran yang mereka dihadapi oleh mereka. Keberanian watak utama dalam sesebuah cerita jenaka memperlihatkan kegagahan yang berbeza dan bersifat istimewa berbanding dengan watak lain.

Rukiah (2008) menjelaskan bahawa akal merupakan anugerah istimewa yang diberikan oleh Allah kepada manusia untuk memikirkan perkara yang baik dan buruk untuk membuat sesuatu keputusan.

Akal merupakan satu anugerah Allah SWT yang sangat berharga, malah kewajipan agama akan ditaklifkan kepada orang yang berakal. Kewujudan akal membantu manusia merancang, memikir, mengkaji sesuatu aktiviti dengan betul dan berkesan kerana ia juga boleh menjadi aslat dan petunjuk kebenaran. Ia boleh dijadikan neraca pertimbangan dalam melakukan sesuatu tindakan. (Rukiah, 2008:16)

Selain akal yang bijak, seseorang juga seharusnya mampu mengawal emosi dengan baik. Jika seseorang mempunyai akal yang bijak tetapi gagal mengawal emosi, maka segala perancangan dan keputusan tidak akan berhasil dengan baik. Kajian ini juga mengkaji watak dan perwatakan positif yang diperlihatkan menerusi cerita jenaka Si Pusong yang bukan sahaja bijak akal tetapi memiliki kemampuan emosi dan berani mempersendakan raja atau pemerintah. Si Pusong mengetahui bahawa

Sultan sering kali mengambil peluang untuk mengenakannya. Si Pusong tidak terpengaruh atau mudah terpedaya dengan aksi Sultan. Si Pusong tidak pernah memperlihatkan reaksi melawan atau menderhaka secara jelas tetapi kebijaksanaannya mengawal emosi menjadikan dia berjaya menundukkan Sultan. Kisah *Si Pusong yang Bijak* memperlihatkan watak Si Pusong yang berjaya mengalahkan Sultan. Watak Sultan tersebut sering kali tidak berpuas hati terhadap Si Pusong kerana Si Pusong sangat bijak dan dapat digambarkan menerusi contoh petikan berikut:

Pada suatu hari, Sultan tersebut mendapat idea bagaimana hendak menjatuhkan hukuman terhadap Si Pusong dengan mengarahkan Pusong supaya menjaga kerbau jantannya. Pusong tidak melawan dan mengetahui tindakan Raja tersebut. Dia akur dan membawa balik kerbau jantan seraya berfikir bagaimana hendak melepaskan diri daripada tipu helah raja tersebut. Akhirnya, dia mendapat idea dan pagi-pagi lagi dia pergi ke istana dan menjerit-jerit bahawa ayahnya hendak melahirkan anak. Raja yang marah kerana dibangunkan pagi-pagi buta berasa hairan kerana baginya, adalah mustahil seorang lelaki boleh melahirkan anak. Dia bertanya pada Si Pusong dan Pusong mengatakan jika seorang lelaki tidak boleh melahirkan anak, begitu juga dengan kerbau jantan yang Sultan mahu dia pelihara dan harus dapat melahirkan baka. Tindakan tersebut telah berjaya mengekalkan Sultan dan Pusong berjaya melepaskan diri daripada hukuman Sultan. (*Koleksi Cerita Rakyat Sabah*, 2019)

Namun begitu, Sultan tetap tidak berpuas hati dan sekali lagi menguji Si Pusong dan mengarahkannya supaya mengikat ombak yang sedang beralun di tepi pantai tanpa membantah. Si Pusong memaklumkan kepada Sultan bahawa dia telah berusaha untuk mengikat ombak namun tidak berjaya seandainya pasir tidak diikat terlebih dahulu. Si Pusong mencadangkan supaya Sultan mengikat pasir terlebih dahulu. Sultan menjawab bahawa pasir tidak boleh diikat. Lalu, Si Pusong membalas dengan mengatakan bahawa ombak juga tidak dapat diikat. Sekali lagi Pusong berjaya melepaskan diri daripada hukuman Sultan.

Seterusnya, Sultan menggunakan cara lain dengan berpura-pura gering. Baginda mengatakan bahawa hanya Si Pusong yang boleh mengubati penyakitnya. Alasan ini digunakan oleh Sultan supaya dapat menghukum Si Pusong sekiranya gagal mengubatnya. Si Pusong pula telah mendapat idea untuk mengenakan Sultan dengan mencampurkan air kencing di dalam

pinggan dan najisnya di dalam kain putih sambil melayangkan di hidung Sultan. Bau najis membuatkan Sultan menjerit lalu mengakui bahawa baginda telah sembuh daripada penyakitnya.

Watak Si Pusong, dianggap sebagai watak yang memiliki kecerdasan emosi apabila sentiasa menilai sesuatu perkara bagi mengelakkan dirinya mengulangi kesilapan. Sikap Si Pusong yang sangat berhati-hati ketika berhadapan dengan tipu helah Sultan menunjukkan tahap keintelektualan yang tinggi. Perkara ini bertepatan dengan penjelasan Goleman (1999) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi dan hati memberikan manfaat kepada diri dan masyarakat.

Watak dan perwatakan Si Pusong yang bijak dan berani ini juga dapat dilihat menerusi cerita *Si Pusong Bersama Tok Imam*. Cerita ini memaparkan kisah Si Pusong yang memaklumkan kepada Tok Imam mengenai putih nangka lebih sedap daripada isi nangka.

Tok Imam lalu meminta daripada Pusong. “Mana boleh kita kan dah berbagi tadi, tok punya isinya dan aku hanya putih nangka ini.” Tok Imam tetap memaksa Pusong supaya memberikannya dan berganti dengan kepunyaannya. Akhirnya Pusong berpura-pura setuju.

Setelah memakan putih nangka tersebut, Tok Imam mendapati rasanya tidak sedap, lalu berasa marah kerana telah dipermainkan oleh Pusong. “Nanti kau Pusong aku akan kerjakan engkau.” (*Koleksi Cerita Rakyat Sabah*, 2019)

Namun begitu, disebabkan Tok Imam berasa tertipu, dia telah mengarahkan Si Pusong untuk mengangkat barang-barang yang dikirimkan dari tempat kenduri. Semasa dalam perjalanan, Tok Imam kehairanan melihat Si Pusong yang berjalan dalam keadaan merangkak sedangkan Tok Imam duduk menunggang kuda. Si Pusong yang merangkak kerana keberatan membawa barang telah memaklumkan kepada Tok Imam bahawa dia berjalan seperti itu kerana asyik mendengar syair yang didendangkan oleh kuda tunggangan Tok Imam. Tok Imam berasa tercabar dan mendesak untuk mendengarnya. Sekali lagi, dia bertegas untuk bertukar tempat dengan Si Pusong. Si Pusong dengan bijak memberikan syarat untuk pertukaran tersebut dengan menyatakan bahawa dia harus menunggang kuda laju ke hadapan agar syair kuda mudah didengari oleh Tok Imam. Akibat ketakutan akan dimarahi oleh Tok Imam yang telah ditipunya, sesampainya di rumah, Si Pusong berpura-pura sakit akibat terjatuh dari



kuda. Isteri Tok Imam mencadangkan supaya Tok Imam pergi ke batu besar kerana mereka bimbang kesakitan Pusong berpunca dari tempat itu. Si Pusong telah mendengar perbualan suami isteri itu. Si Pusong telah menyamar di belakang batu dan memaklumkan kepada Tok Imam bahawa Si Pusong hanya akan pulih jika Pusong dikahwinkan dengan anak Tok Imam. Kisah *Si Pusong yang Bijak* ini jelas membuktikan bahawa watak dan perwatakan dalam kisah jenaka juga sarat dengan watak yang memiliki kecerdasan emosi. Perkara tersebut selari dengan pendapat Goleman (1999) tentang persediaan emosi disesuaikan mengikut situasi dan kata hati turut mempengaruhi setiap tindakan yang dilakukan.

### **Watak yang Memiliki Sifat Syukur, Sabar dan Reda**

Sikap reda merupakan pintu kasih sayang Allah yang paling besar, dan syurga dunia, serta kunci ketenangan bagi para hamba-Nya. Sifat syukur, sabar dan reda merupakan satu ciri yang memperlihatkan seseorang yang memiliki kecerdasan emosi dan tidak mudah putus asa.

Cerita *Awang Setampik dan Awang Sembilang* memperlihatkan bagaimana kedua-dua ibu bapa mereka sangat bersyukur atas anugerah anak kepada mereka walaupun kedua-dua watak tersebut tidak sempurna malah bukan manusia. Kedua-dua ibu bapa tersebut redha dengan pemberian Tuhan kepada mereka dan sabar walaupun memiliki anak yang tidak sempurna.

Tidak lama kemudian, isterinya telah melahirkan seorang anak lelaki. Sepasang suami isteri ini begitu terkejut kerana anak yang dilahirkan berada dalam keadaan sebelah. Ini kerana anak mereka mempunyai tangan, hidung, mata dan kaki yang sebelah, maka ia dipanggil sebagai Awang Setampik. Walau bagaimanapun, mereka reda menerima ketentuan Allah dan menjaga Awang Setampik dengan penuh kasih sayang. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik: 2012)

Akhirnya, si isteri telah melahirkan bukan seorang anak tetapi seekor sembilang. Mereka tetap menerima seadanya akan kehadiran ikan sembilang. Ikan sembilang tersebut telah dibela dengan baik dan diletakkan di dalam pasu. Tidak lama kemudian, ikan sembilang telah besar dan mereka menamakan "Awang Sembilang". (Kajian lapangan: Cerita Awang Sembilang, 2012)

Tahap pemikiran dan emosi ibu bapa Awang Setampik dan Awang Sembilang menjadi panduan kepada masyarakat kerana dapat menguasai emosi dan komunikasi ketika berada dalam kelompok masyarakat yang disebut oleh Mayer (2000). Anak-anak mereka juga ditonjolkan sebagai watak yang reda dan sabar pada ketentuan nasib mereka dan tidak pernah berasa rendah diri. Lebih mengagumkan hasil didikan daripada ibu bapa membolehkan Awang Setampik dan Awang Sembilang memiliki personaliti yang dikagumi. Perkara ini dikatakan sebagai kaedah memancing pembaca yang terkandung dalam konsep kecerdasan emosi (Salovey dan Mayer (1993), Mayer et al. (1999), dan Goleman (1999).

Watak Awang Setampik diperlihatkan memiliki keazaman untuk menuntut ilmu. Sungguhpun dia telah mempunyai guru, dia berasa bahawa dia perlu mencari guru yang lebih baik dan bersabar dengan sikap guru dan rakan-rakannya yang sering kali memperlekehkannya.

Untuk membuktikan bahawa dirinya ialah Awang Setampik maka dia menceritakan bagaimana dia telah pergi menuntut ilmu daripada seorang ahli sufi. Di situlah dia telah menjumpai seorang guru sejati dan menyampaikan kebenaran. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik: 2012)

Demikian halnya dengan Awang Sembilang kerana walaupun menjadi ikan tetapi dia tetap bersyukur dan bersabar malah memiliki keinginan untuk beristerikan anak raja dan akhirnya menjadi kenyataan.

Lalu, Awang Sembilang pun menceritakan perkara sebenar kepada isterinya bahawa dia merupakan anak raja dari kayangan yang menyamar sebagai ikan sembilang. Selepas itu, Awang Sembilang membawa ibu dan ayahnya tinggal di istana bersama-sama dan mereka hidup bahagia. (Kajian lapangan: Cerita Awang Sembilang, 2012)

Nilai positif yang ada dalam watak-watak ini menjelaskan bahawa watak dalam cerita jenaka Melayu yang dikatakan sial dan bernasib malang adalah kurang tepat kerana watak-watak yang ditemukan dalam cerita jenaka peribumi Sabah adalah sebaliknya.

Kecerdasan emosi seseorang mampu menjadikan mereka manusia yang bersyukur dan menerima dengan hati yang ikhlas akan setiap ujian yang diberikan oleh Tuhan. Demikian juga dengan kesabaran yang dimiliki oleh watak Kanok-kanok menerusi cerita *Si Kanok-kanok dan Si Gongkor*. Cerita ini mengisahkan seorang lelaki yang jujur, bijak dan rajin bekerja

yang dikenali sebagai Si Kanok-kanok. Pada suatu hari, semasa Si Kanok-kanok menebang pokok, mata “wasoi” jatuh ke dalam sungai. Di dasar sungai, Kanok-kanok menjumpai sebuah kediaman milik Si Katambaig. Disebabkan hari sudah gelap, Si Katambaig mengajak Kanok-kanok untuk bermalam di rumahnya. Pada waktu malam, sambil berbual Si Katambaig sempat menguji tiga soalan kepada Kanok-kanok:

“Apa pula benda yang mempunyai banyak lubang dan apabila dilemparkan banyak ikan akan terperangkap?” tanya Si Katambaig. Si Kanok-kanok tahu jawapan soalan itu ialah rambat (jala). Namun, Si Kanok-kanok menjawab bahawa dia tidak tahu.

“Apa pula benda yang bulat dan apabila disorong-sorong semua ikan terperangkap di dalamnya?” soal Si Katambaig. Si Kanok-kanok tahu jawapannya ialah siud tetapi dia menjawab dia tidak tahu.

“Apa pula benda yang dicelupkan ke dalam air dan apabila ditarik ikan akan tersangkut kepadanya dan dikeluarkan daripada air?” Si Kanok-kanok tahu yang dimaksudkannya ialah rangawan, tetapi Si Kanok-kanok menjawab dia tidak tahu benda itu. (*Koleksi Cerita Rakyat Sabah*, 2019)

Taktik yang digunakan oleh Kanok-kanok menjelaskan tentang pemikiran masyarakat yang berinteraksi secara positif sebagai respons yang bertepatan dengan konsep kecerdasan emosi. Bagi Goleman (1999), keupayaan manusia mendukung nilai peribadi dikaitkan dengan hati yang dapat mengawal perasaan dan emosi. Gambaran perwatakan Kanok-kanok yang sabar dan menepati janji dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Si Katambaig pun memberikan pesanan kepada Si Kanok-kanok, ‘Kanok-kanok! Semasa perjalanan balik nanti jangan sesekali kamu memandang ke belakang selagi kamu belum sampai ke pintu rumahmu, manakala labu yang dibawa itu, jangan dibelah sebelum tiba di rumah’ kata Si Katambaig. Si Kanok-kanok mengangguk lalu mengucapkan terima kasih dan selamat tinggal kepada Si Katambaig sebelum dia berangkat pulang.

Semasa perjalanan pulang ada banyak suara menyahut Si Kanok-kanok dari belakang tetapi Si Kanok-kanok tetap bersabar dan tidak menoleh ke belakang. Apabila tibanya Si Kanok-kanok ke rumahnya, maka dipandanglah ke belakang dan ada seorang gadis yang sangat rupawan bagaikan bidadari. Gadis itu pun menjadi pasangan hidup

Si Kanok-kanok. Apabila Si Kanok-kanok membelah labu yang dibawanya didapati ada sepucuk “susupuk” di dalamnya. Susupuk itu merupakan susupuk sakti yang boleh digunakan untuk mendapatkan apa sahaja yang dihajati oleh Si Kanok-kanok. Semenjak itu, hidup Si Kanok-kanok sangat bahagia dan kaya-raya. (*Koleksi Cerita Rakyat Sabah*, 2019)

Seterusnya, cerita *Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar* pula memaparkan kehidupan dua adik-beradik lelaki setelah ibu mereka meninggal dunia. Abang bernama Kulub Besar, manakala adik dikenali sebagai Kulub Kecil.

Harta yang ditinggalkan ialah 100 ekor kerbau dan satu ekor anjing. Apabila pembahagian harta dibuat oleh anak lelaki sulung telah mengambil kesemua 100 ekor kerbau manakala si adik lelaki yang bongsu hanya mendapat seekor anjing. Pembahagian harta ini telah dibuat oleh si abang kerana dia merupakan anak lelaki sulung. Setelah pembahagian harta dibuat, si adik menerima seadanya tanpa sedikitpun membantah. (Kajian lapangan: *Cerita Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar*, 2012)

Sifat bersyukur yang dimiliki oleh watak Kulub Kecil merupakan perlambangan ketinggian peribadinya kerana berpotensi memiliki kejayaan dalam kehidupan sebagaimana yang diperkatakan oleh Goleman (1999). Gambaran ini menampilkan kesenangan hidup Kulub Kecil.

Pada malamnya, di dalam mimpi si adik anjing telah datang kepadanya dan berkata, “Jangan kau susah selama aku berikan kau emas itu kau minum saja minyak wangi. Sekarang kau pergi ke pasar dan kedai-kedai kau jemput semua orang untuk mencium kentutmu.” Pada mulanya, si adik tidak begitu yakin untuk kentut tetapi apabila dia kentut bau yang dikeluarkan begitu harum sekali sehingga orang yang berada di situ menjadi khayal. Setiap hari, si adik ke pasar untuk kentut dan semua orang berkumpul dan tidak sabar menunggunya. Semua orang di pasar meminta si adik agar kentut untuk mengeluarkan bau minyak wangi yang harum. Dengan melakukan pekerjaan begitu, dia mendapat duit yang banyak dan dapat menampung kehidupannya. (Kajian lapangan: *Cerita Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar*, 2012)

Berdasarkan cerita jenaka *Si Kanok-kanok dan Si Gongkor* serta *Si Kulub Kecil dan Si Kulub Besar*, walaupun Si Kanok-kanok dan Kulub

Kecil kedua-duanya miskin tetapi mereka tidak pernah menyesali nasib mereka dan tetap berusaha untuk berjaya. Berdasarkan konsep kecerdasan teori, watak dan perwatakan positif telah diangkat sebagai teladan dalam masyarakat.

### **Manifestasi Watak dan Perwatakan yang Membawa Nilai Dakwah dan Keinsafan**

Walaupun cerita jenaka biasanya hanya memperlihatkan watak dan perwatakan tokoh yang bodoh, malang dan dianggap sial, terdapat juga cerita jenaka etnik peribumi Sabah yang memperlihatkan watak utama cerita jenaka yang bukan sahaja bijak malah mampu memberikan dakwah dan pengajaran kepada orang lain. Menerusi cerita *Awang Setampik*, ketika dalam perjalanan untuk mencari guru, dia telah berjumpa dengan dua jenis manusia yang mempunyai dua perwatakan berbeza. Pertama, manusia yang dianggap sering membuang masa dengan bersabung ayam. Kedua, manusia alim, iaitu sentiasa bangga diri kerana dapat melakukan solat sehingga tempat sujudnya menjadi nipis. Ketika dalam perjalanan menuntut ilmu dan Awang Setampik bertemu dengan orang yang bersabung ayam, orang tersebut telah mengirimkan pesan kepada Awang Setampik agar Tuhan menyediakan neraka untuknya kerana setiap hari dia melakukan kerja menyabung ayam. Berbeza pula dengan orang alim yang berpesan kepada Awang Setampik agar Tuhan menyediakan syurga untuknya kerana sentiasa melakukan ibadah. Setelah tamat menuntut ilmu, Awang Setampik berjumpa dengan kedua-dua orang ini dan memberitahu mereka melalui petikan di bawah:

Awang Setampik memberitahu, “Tuhan berpesan neraka sudah disediakan untukmu”. Setelah mendengar orang alim begitu terkejut dan ingin mengetahui sebab mengapa neraka disediakan untuknya. Awang Setampik pun memberitahu bahawa orang alim bersembahyang bukan kerana Allah tetapi kerana riak. Apabila mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik dia berasa sangat kecewa.

Awang Setampik meneruskan perjalanan dan berjumpa pula dengan orang yang bersabung ayam. Orang itu bertanya kepadanya apa yang diperkatakan oleh Tuhan kepadanya? Awang Setampik berkata, “Syurga disediakan kerana kau bersabung ayam setiap hari, kau ikhlas untuk bertaubat”. Orang yang bersabung ayam berasa senang setelah mendengar pesanan yang dibawakan oleh Awang Setampik. Tanpa

membuang masa dia terus bersembahyang untuk meminta taubat daripada Tuhan. (Kajian lapangan: Cerita Awang Setampik, 2012)

Petikan menunjukkan bahawa orang yang melakukan kerja bersabung ayam mempunyai hati yang ikhlas kerana dia sedar dia telah melakukan perkara yang salah dan berusaha untuk bertaubat sebelum terlambat. Hal ini berbeza pula dengan orang alim yang dianggap beribadah kerana riak dan sombong.

Cerita ini menunjukkan nilai yang terdapat dalam cerita jenaka tersebut memiliki sindiran yang mampu memberikan keinsafan kepada semua golongan masyarakat. Jika sudah menyedari kesilapan yang dilakukan, maka jangan terus mengulangnya. Sebaliknya, seseorang perlu menyesali keterlanjuran dan memohon keampunan daripada Allah SWT dan hendaklah sentiasa merendah diri dan tidak bersikap sombong dan bangga diri.

## **KESIMPULAN**

Negeri Sabah yang memiliki hampir 41 etnik yang dikategorikan berdasarkan dialek setempat memiliki cerita rakyat tersendiri yang menjadi kebanggaan etniknya. Pengumpulan sastera rakyat berbentuk cerita jenaka di negeri Sabah memberikan perspektif baharu yang menarik berkenaan cerita jenaka. Dengan menggunakan konsep kecerdasan emosi, kajian ini menemukan watak dan perwatakan dalam cerita jenaka yang memperlihatkan sifat positif dan nilai yang baik. Dalam erti kata lain, nilai keintelektualan sangat penting kerana mempengaruhi keseimbangan penampilan dan tingkah laku. Perkara ini dibuktikan menerusi watak Awang Setampik, Awang Sembilang, Si Kanok-kanok dan Kulub Kecil yang sabar, jujur dan amanah yang telah menguatkan sifat positif. Selain mengubah tanggapan terhadap watak-watak dalam cerita jenaka Melayu, cerita jenaka peribumi Sabah terpilih menampilkan watak yang wajar dicontohi oleh masyarakat khususnya generasi muda yang mengetengahkan unsur didaktik. Natijahnya, paparan watak dan perwatakan yang positif boleh menjadi sumber inspirasi dan didikan secara langsung kepada masyarakat pembaca berdasarkan konsep kecerdasan emosi yang menjadi panduan dalam merungkai watak dan nilai dalam cerita jenaka etnik Sabah yang terpilih. Oleh itu, perkembangan perwatakan dalam masyarakat terutamanya kanak-kanak perlu dilakukan menerusi pendedahan terhadap sastera rakyat seperti cerita jenaka.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- al-Hakim, al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn, Kitab al-‘Ilm, no. hadis 321. Diriwayatkan oleh Hudzaifah bin Yaman r.a.
- Ariffin Nur. (1971). “Kesusasteraan rakyat” dalam *kesusasteraan Melayu lama*. Pustaka Aman Press.
- Chairil Effendy. (2014). Peranan sastra dan bahasa Melayu dalam membangun karakter bangsa. *Jurnal Jentera*, III(3), 27–30.
- Danandjaja, J. (1984). *Folklore Indonesia: Ilmu gossip dongeng dan lain-lain*. Temprint.
- Fatchul Mu’in. (2011). *Pendidikan karakter konstruksi teoritik dan praktik: Urgensi progresif dan revitalisasi peran guru dan orang tua*. Ar-Ruzz Media.
- Goleman, D. (1999). *Working with emotional intelligence*. Batam Books.
- ibn Majah, Sunan ibn Majah, Kitab al-Muqadimah, Bab Fadl al-Ulama’ wa al-Hath ‘ala Talab al-‘Ilm, no. hadis 224. Diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (1991). *Kamus Bahasa Indonesia* (Edisi Kedua). Balai Pustaka.
- Lokman Abdul Samad & Suhaimi Yassin. (2019). *Siri folklore Sabah: Koleksi cerita rakyat Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Mayer, J. D., & Salovey. P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence*, 17(4). 433–442.
- Mayer, J. D., Caruso, R., & Salovey. P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, 27(4), 267.
- Mayer, J. D., Salovey, P., & Curaso, D. (2000). Model of emotional intelligence. In R. J. Sternberg (Ed.), *The handbook of intelligence* (2nd Edition). Cambridge University Press.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296–329.
- Noriah Taslim. (2008, Disember). “Kesusasteraan Melayu tradisional dalam teori sastera moden.” *Dewan Sastera*. hlm. 25-26.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif “Melayu malas” dan “Melayu bodoh” oleh Barat serta kebenarannya berdasarkan cerita jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71–82. <http://m.yjms.moe.gov.my/index.php/jdpg>
- Rukiah Mohamad. (2008). *Asas-asas pembinaan insan*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM.

- Saiful Bahri Md. Radzi. (2001). Pengkajian cerita jenaka: Satu penilaian krisis. Dlm. Sidek Fadzil, Sahlan Mohd Saman, Hanapi Dollah, Mohd. Pozi Masurori & Shaiful Bahri Md. Radzi (Eds.), *Persuratan Melayu: Dari lontar ke layar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salovey, P., Brackett, M.A., & Mayer, J. D. (Eds.). (2004). *Emotional intelligence key readings about the Mayer and Salovey model*. Dude Publishing.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). *Emotional intelligence. Imagination, cognition, and personality*. Baywood Publishing Company.
- Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam bahasa Melayu*. (2009). Al-Hidayah House of Qur'an Sdn. Bhd.